

# KM dari UMNO boleh selesai masalah Melayu di P. Pinang

UM 19 JUN 2003

Oleh  
SAHBULAH MOHAMAD DARWI

KUALA LUMPUR 18 Jun — Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang menegaskan bahawa jalan terbaik untuk membela nasib masyarakat Melayu dengan berkesan di negeri itu ialah dengan melantik Ketua Menteri (KM) dari UMNO.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Tanjong, Raja Munir Shah Raja Mustafa berkata, ia penting bagi membolehkan pembangunan yang membabitkan kepentingan Melayu termasuk pembiayaan projek perumahan berjalan lebih lancar.

“Di bawah kepimpinan negeri yang ada, peluang untuk memastikan kependudukan orang Melayu dalam kawasan bandar terjamin, tidak akan berlaku.

“Semakin hari semakin terhadis bilangan orang Melayu dalam kawasan bandar dan keada-

an ini semakin meruncing,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika membahaskan ucapan dasar Ketua Pemuda UMNO pada Perhimpunan Agung Tahunan pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Raja Munir Shah berkata, pelaksanaan projek perumahan di bawah kerajaan negeri pada waktu ini dijalankan dengan tidak bersungguh-sungguh sehingga meminggirkan masyarakat Melayu yang kebanyakannya berpendapatan rendah.

## Terbanya k

Ketua Menteri Pulau Pinang sekarang dilantik daripada parti Gerakan, walaupun UMNO mempunyai kerusi terbanyak di kalangan parti-parti komponen di negeri itu.

Menurutnya, banyak projek yang dibangunkan hanya disasarkan kepada golongan berpen-

dapatan tinggi disebabkan projek perumahan kos rendah dan sederhana dikatakan tidak memberikan pulangan keuntungan tinggi.

“Di manakah tanggungjawab sosial kepimpinan kerajaan negeri terhadap rakyat di Pulau Pinang terutama masyarakat Melayu yang amat memerlukan,” soalnya.

Sebaliknya, beliau berkata, kerajaan negeri pada waktu ini bertindak mahu mewartakan akta warisan yang kononnya bertujuan memulihara warisan peninggalan untuk kepentingan pelancong.

“Apakah terlalu pentingnya perkara ini sehingga pihak kerajaan negeri mewujudkan zon kawasan berkeluasan beratus ekar, sekali gus membantutkan pembangunan yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat Melayu melalui pembangunan hartanah milik kerajaan dan tanah wakaf,” katanya.

Raja Munir Shah berkata, keadaan itu menyebabkan program ekonomi seperti pusat komersial dan perumahan terbantut sedangkan hartanah itu mempunyai nilai komersial yang tinggi.

“Masalah yang dihadapi bukan isu baru tetapi sesuatu yang sudah lama menghantui pihak kepimpinan negeri. Perancangan yang dilakukan untuk mengatasi masalah perumahan untuk masyarakat Melayu dilakukan dengan cukup lembap,” katanya.

Beliau berkata, Pemuda Pulau Pinang dengan itu mencadangkan agar kerajaan negeri mengkaji semula hasrat untuk mewartakan akta berkenaan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mewujudkan garis panduan berhubung perkara itu demi membela nasib masyarakat Melayu di negeri itu.

■ Lihat muka 4

## KM dari UMNO boleh selesai masalah Melayu di P. Pinang

“Jangan dibantutkan pembangunan orang Melayu untuk mendapatkan unit rumah dan perkembangan sumber pencarian ekonomi perniagaan mereka,” katanya.

Beliau berkata, Ketua Menteri, Tan Sri Dr.

Koh Tsu Koon digesa lebih aktif membela dan nasib masyarakat Melayu memandangkan kepimpinan beliau pada waktu ini dilihat seolah-olah tidak berminat untuk berbuat demikian.

“Jangan sehingga menunggu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad datang ke Pulau Pinang sekali lagi dan memberitahu apa yang perlu dilakukan demi menjaga kepentingan Melayu,” katanya.